

SISTEM E-DAGANG PENJUALAN PRODUK TEMPATAN

MUHAMMAD HAQIMY BIN JAFRI, NAZATUL AINI ABD MAJID

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor
Darul Ehsan, Malaysia*

ABSTRAK

Projek ini bertujuan untuk mencipta platform web yang berorientasikan pengguna khusus untuk individu, dikenali sebagai Sistem e-Dagang Penjualan Produk Tempatan yang membolehkan untuk memulakan perniagaan dan mempromosikan produk mereka secara atas talian. Objektifnya adalah untuk mendorong keusahawanan dengan memberi kuasa kepada usahawan tunggal dalam komuniti dan meluaskan pasaran dalam kawasan tempatan. Hasil pengujian menangani cabaran yang dihadapi oleh individu ketika memasuki pasaran dengan menawarkan platform yang mudah digunakan dan berfungsi penuh, yang memudahkan penyenaiaan produk, komunikasi antara pembeli dan penjual, transaksi yang selamat, dan peluang pertumbuhan. Sistem ini selaras dengan komitmen untuk menggalakkan keusahawanan dan memberi kuasa kepada komuniti untuk menyumbang kepada ekonomi tempatan dan kebangsaan. Metodologi yang digunakan adalah Metodologi Agile, melibatkan reka bentuk dan pembangunan platform untuk menjadi mesra pengguna dan mudah capai. Sistem ini menggunakan teknologi seperti Bootstrap 5 atau VS Code untuk pembangunan front-end, manakala back-end didorong oleh bahasa pengaturcaraan PHP, khususnya Laravel, dan MySQL sebagai sistem pengurusan pangkalan data. Istilah "front end" merujuk kepada antara muka pengguna, manakala "back end" merujuk kepada logik asas sistem. Sistem e-Dagang Penjualan Produk Tempatan, yang direka untuk ahli komuniti, bertujuan memberi kuasa kepada usahawan tunggal dengan menyediakan pasar yang mesra pengguna untuk menyenaraikan dan menjual produk mereka. Dengan memudahkan transaksi yang selamat dan menyediakan peluang pertumbuhan, sistem dapat menggalakkan budaya keusahawanan dalam komuniti tempatan. Projek ini akan menjadi sumber yang berharga bagi individu yang bercita-cita untuk memulakan dan memajukan perniagaan mereka.

PENGENALAN

Dalam era kini yang semakin maju dan peroleh aspirasi keusahawanan dan keinginan untuk memperoleh kemandirian ekonomi, terdapat permintaan yang meningkat untuk platform yang mesra pengguna yang membolehkan masyarakat umum memulakan perniagaan mereka dan meningkatkan jangkauan mereka dalam komuniti luar bandar ke dalam pasaran yang lebih meluas. Sistem yang akan dibangunkan bertujuan untuk memenuhi keperluan masyarakat yang berminat dalam meluaskan perniagaan dan mempromosikan produk mereka.

Sistem e-Dagang Penjualan Produk Tempatan adalah platform web yang bertujuan untuk mendorong keusahawanan dalam kalangan individu yang bercita-cita untuk memulakan perniagaan mereka sendiri. Projek ini akan membangunkan sebuah laman web yang mesra pengguna dan berfungsi penuh untuk memenuhi keperluan usahawan tempatan. Sistem ini akan menyediakan tempat untuk penyeneraian produk, komunikasi antara pembeli dan penjual, serta transaksi yang selamat, sekaligus memberi kuasa kepada usahawan untuk menyumbang kepada ekonomi tempatan dan kebangsaan.

OBJEKTIF

Objektif projek ini adalah seperti berikut:

1. Membangunkan sistem laman web yang mesra pengguna untuk usahawan tempatan.
2. Menguji dari segi fungsian sistem.

SKOP KAJIAN

Skop kajian projek khususnya untuk usahawan tunggal yang ingin membangunkan laman web bagi penjualan produk tempatan. Sistem ini menyediakan ruang bagi usahawan untuk memulakan dan mempromosikan perniagaan mereka. Seterusnya, sistem ini juga memberikan akses kepada pengguna untuk membeli produk tempatan dengan selamat dan selesa.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi pembangunan yang digunakan adalah Metodolgi agile yang membolehkan pembangunan secara berulang, dengan fokus kepada reka bentuk yang berpusat pengguna dan

aksesibiliti. Alat yang digunakan termasuk Laravel untuk rangka kerja, PHP untuk pengaturcaraan, dan Visual Studio Code untuk pembangunan platform. Terdapat penekanan yang tinggi pada keterlibatan pengguna dengan menggunakan lingkaran maklum balas yang berterusan dan ujian pengguna bagi memastikan kesesuaian platform dengan keperluan dan kehendak pengguna.

Agile dipilih oleh sifatnya yang membenarkan penyesuaian lebih fleksibel terhadap perubahan keperluan. Dalam konteks platform web ini, keperluan pengguna atau keadaan pasaran boleh berubah, dan metodologi Agile membolehkan penyesuaian pantas kepada perubahan ini. Proses pengembangan yang berulang membolehkan projek mudah dikawal. Kekangan dan risiko boleh dikesan dan diselesaikan dengan cepat, sementara perubahan boleh dilaksanakan tanpa mengganggu seluruh projek.

i. Fasa Analisis dan Perancangan

Pada fasa ini, perancangan harus dibuat dengan mengumpul data pada masyarakat umum untuk membuat analisis. Dengan membuat analisis, ciri-ciri dan fungsi utama platform yang diperlukan dapat dikenal pasti untuk menyokong usahawan dan pembeli.

ii. Fasa Reka Bentuk

Fasa kedua, reka bentuk adalah fasa dimana kita merancang muka pengguna (UI) yang mesra pengguna dan mudah difahami oleh individu yang mungkin tidak mempunyai latar belakang teknikal yang tinggi.

iii. Fasa Pembangunan

Fasa pembangunan adalah fasa permulaan kepada pembangunan sistem sebenar. Selain itu, fasa ini juga merupakan fasa yang sangat penting bagi memastikan objektif tercapai.

iv. Fasa Pengujian

Fasa pengujian merupakan fasa untuk melaksanakan ujian keseluruhan platform untuk memastikan kestabilan, keselamatan dan sistem berfungsi dengan baik. Selain itu, pada fasa ini juga maklum balas akan diambil dari pengguna untuk memperbaiki sebarang masalah atau penambahbaikan yang diperlukan.


v. Fasa Pemeliharaan

Fasa Pemeliharaan ini merupakan fasa yang paling penting. Fasa ini akan menyelenggara dan memperbaiki sebarang masalah teknikal yang timbul. Selain itu, fasa ini juga dapat memastikan keselamatan dan kestabilan sistem pada masa hadapan.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN


Sistem e-Dagang Penjualan Produk Tempatan berjaya dibangunkan dengan menggunakan Visual Studio Code untuk penulisan code dan bahasa pengaturcaraan seperti HTML, CSS, PHP dan Javascript. Pangkalan yang digunakan adalah Phpmyadmin dan XAMPP sebagai “localhost”.

Rajah 1 menunjukkan antara muka log masuk bagi Sistem e-Dagang Penjualan Produk Tempatan.




Rajah 1 Log Masuk

Rajah 2 menunjukkan antara muka halaman utama. Halaman ini menunjukkan navbar menu yang ada dan mengiklankan produk yang ada. Selain itu, ada juga fungsi lain seperti profil, “Wishlist” dan “Cart”.




Rajah 2 Halaman Utama

Rajah 3 menunjukkan antara muka bagi produk. Halaman ini memaparkan produk yang dijual oleh penjual. Pengguna boleh membeli secara terus, tambah produk ke “Wishlist” dan “Cart”.




Rajah 3 Halaman Produk

Rajah 4 menunjukkan halaman muka hadapan untuk penjual. Disini penjual boleh melihat papan pemuka untuk penjual yang memaparkan tentang produk dan pengguna.




Rajah 4 Halaman Muka Hadapan Penjual

Rajah 5 menunjukkan halaman tambah produk. Penjual boleh menambah produk mereka di laman ini dengan hanya perlu mengisi nama produk, harga, detail produk dan gambar.



Rajah 5 Halaman Tambah Produk

Rajah 6 menunjukkan halaman melihat produk. Di halaman ini, penjual akan dapat melihat produk yang telah ditambah, mengemaskini dan padam produk.



Rajah 6 Halaman Melihat Produk

HASIL KAJIAN


Hasil kajian yang dibuat adalah untuk menguji kebolegunaan dan fungsi system bagi Sistem e-Dagang Penjualan Produk Tempatan. Responden terdiri dari usahawan yang menjual produk tempatan seperti Kerepek dan sebagainya. Seramai 6 responden mengambil bahagian dalam kajian ini, menyediakan pelbagai perspektif.

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN

Rajah 7 - 12 membentangkan hasil terperinci kajian mengenai profil demografi responden yang menggunakan Sistem e-Dagang penjualan produk tempatan. Kajian ini mensasarkan usahawan tempatan untuk mengumpul maklumat dan data yang berkaitan dengan penggunaan platform. Pecahan demografi mendedahkan bahawa 4 responden adalah lelaki, menyumbang 66.7% daripada jumlah keseluruhan, manakala 2 responden adalah wanita, mewakili 33.3%.

Perwakilan seimbang ini memastikan hasil kaji selidik mencerminkan pandangan dan pengalaman usahawan lelaki dan perempuan di komuniti tempatan.

Rajah 7 menggambarkan data demografi secara visual melalui carta pai, menawarkan pemahaman yang jelas dan segera mengenai pengedaran jantina di kalangan responden. Perwakilan visual ini meningkatkan kebolehterpretasi data, yang membolehkan analisis yang lebih komprehensif mengenai ciri-ciri demografi dan potensi kesannya terhadap penemuan kajian. Dengan meneliti butiran demografi ini, kita dapat mengumpulkan maklum balas dan pandangan yang diberikan oleh responden dengan lebih baik, memastikan bahawa pembangunan dan pelaksanaan Sistem e-Dagang Penjualan Produk Tempatan dapat memenuhi keperluan seluruh komuniti usahawan dengan berkesan.



Rajah 7 Carta Keputusan Bagi Bahagian A (Soalan 1)

BAHAGIAN B : HALAMAN LOG MASUK & PENDAFTARAN


Dalam bahagian ini, responden menilai kepuasan mereka semasa menggunakan Sistem e-Dagang penjualan produk tempatan. Sebanyak 3 responden (50%) bersetuju, manakala 3 responden (50%) sangat bersetuju bahawa halaman log masuk berfungsi dengan baik seperti sistem yang sedia ada. Sebanyak 2 responden (33.3%) bersetuju, dan 4 responden (66.7%) sangat bersetuju bahawa butang "Log Masuk" berfungsi dengan betul, menunjukkan kepercayaan yang tinggi terhadap kefungsi asas ini.

Seterusnya, sebanyak 2 responden (33.3%) bersetuju, manakala 4 responden (66.7%) sangat bersetuju bahawa antara muka pengguna adalah jelas dan mudah difahami,

menunjukkan reka bentuk yang mesra pengguna. Halaman log masuk mudah digunakan dan sebanyak 3 responden (50%) bersetuju, dan 3 responden (50%) sangat bersetuju

Selain itu, Sebanyak 3 responden (50%) bersetuju, manakala 3 responden (50%) sangat bersetuju bahawa halaman log masuk menyediakan mesej ralat yang jelas dan berguna apabila isu berlaku, memastikan pengguna dapat menyelesaikan masalah dengan mudah. Sebanyak 3 responden (50%) bersetuju, dan 3 responden (50%) sangat bersetuju bahawa mereka berpuas hati dengan keseluruhan dan reka bentuk halaman log masuk, menunjukkan kepuasan yang tinggi terhadap estetika dan fungsi. Rajah 8 membentangkan carta keputusan untuk bahagian A soalan halaman log masuk dalam bentuk graf.

Adakah Log Masuk:




Rajah 8 Carta Keputusan bagi Bahagian B (Soalan 1)

Seterusnya dalam bahagian ini ialah bahagian paparan pendaftaran akaun baharu, di mana responden menilai kepuasan mereka dengan Sistem e-Dagang penjualan produk tempatan. Sebanyak 3 responden (50%) bersetuju, manakala 3 responden (50%) sangat bersetuju bahawa butang "Daftar" berfungsi dengan betul apabila mereka cuba membuat akaun baharu, menunjukkan fungsi yang boleh dipercayai. Seterusnya, sebanyak 3 responden (50%) bersetuju, dan 3 responden (50%) sangat bersetuju bahawa borang pendaftaran mengesahkan nama, e-mel, dan kata laluan dengan baik, memastikan ketepatan maklumat yang dimasukkan.

Selain itu, sebanyak 2 responden (33.3%) bersetuju, manakala 4 responden (66.7%) sangat bersetuju bahawa halaman pendaftaran mudah digunakan, menunjukkan kemudahan dan intuitif yang tinggi dalam reka bentuk borang. Soalan lain iaitu halaman pendaftaran memaparkan mesej ralat yang jelas dan berguna apabila isu berlaku dan membantu pengguna untuk menyelesaikan masalah dengan mudah. Sebanyak 4 responden (66.7%) bersetuju, dan 2

responden (33.3%) sangat bersetuju. Akhir sekali, Sebanyak 2 responden (33.3%) bersetuju, manakala 4 responden (66.7%) sangat bersetuju bahawa mereka berpuas hati dengan fungsi keseluruhan dan reka bentuk halaman pendaftaran, mencerminkan kepuasan pengguna terhadap aspek visual dan fungsional halaman tersebut. Rajah 9 membentangkan graf keputusan untuk bahagian B soalan halaman pendaftaran akaun baharu.

Adakah paparan pendaftaran:



Rajah 9 Carta Keputusan bagi Bahagian B (Soalan 2)


BAHAGIAN C : HALAMAN UTAMA DAN FUNGSI SISTEM

Dalam bahagian ini, responden menilai kepuasan mereka semasa menggunakan sistem e-Dagang penjualan produk tempatan di halaman utama. Sebanyak 1 responden (16.7%) bersetuju, manakala 5 responden (83.3%) sangat bersetuju bahawa menu navigasi berfungsi dengan betul dan mengubah hala ke halaman yang sesuai. Ini menunjukkan bahawa navigasi pada halaman utama adalah boleh dipercayai dan memudahkan pengguna untuk mengakses pelbagai bahagian platform.

Antara muka pengguna pada halaman utama adalah jelas dan mudah difahami, sebanyak 4 responden (66.7%) bersetuju, dan 2 responden (33.3%) sangat bersetuju. Seterusnya, sebanyak 1 responden (16.7%) bersetuju, manakala 5 responden (83.3%) sangat bersetuju bahawa halaman utama mudah digunakan dan dinavigasikan. Ini menunjukkan bahawa pengguna merasa selesa dan tidak menghadapi kesukaran dalam menggunakan dan menavigasi halaman utama.

Akhir sekali, sebanyak 1 responden (16.7%) bersetuju, dan 5 responden (83.3%) sangat bersetuju bahawa mereka berpuas hati dengan fungsi keseluruhan dan reka bentuk halaman utama. Ini mencerminkan kepuasan pengguna terhadap keseluruhan estetika dan fungsi halaman utama. Rajah 10 membentangkan graf keputusan untuk bahagian C soalan halaman utama.

Adakah paparan halaman utama:



Rajah 10 Carta Keputusan Bagi Bahagian C (Soalan 1)


Kajian ini menilai tahap kepuasan responden terhadap fungsi sistem dalam sistem e-Dagang penjualan produk tempatan. Sebanyak 3 responden (50%) bersetuju, manakala 3 responden (50%) sangat bersetuju bahawa butang "Wishlist" berfungsi dengan baik dan menambah produk ke dalam senarai "wishlist". 3 responden (50%) bersetuju, dan 3 responden (50%) sangat bersetuju bahawa butang "Add to cart" berfungsi dengan baik dan menambah produk ke dalam troli, menunjukkan keandalan fungsi ini.

Seterusnya, sebanyak 1 responden (16.7%) bersetuju, manakala 5 responden (83.3%) sangat bersetuju bahawa butang "Delete" membolehkan pengguna memadam produk dalam troli. Sebanyak 1 responden (16.7%) bersetuju, dan 5 responden (83.3%) sangat bersetuju

bahawa butang "Edit" berfungsi dengan baik untuk menambah atau mengurangkan produk dalam troli.

Selain itu, sebanyak 3 responden (50%) bersetuju, manakala 3 responden (50%) sangat bersetuju bahawa butang "Buy Now" berfungsi dengan baik, menunjukkan keandalan fungsi pembelian segera. Pembayaran untuk produk yang dibeli berjaya dilaksanakan dengan baik, sebanyak 4 responden (66.7%) bersetuju, dan 2 responden (33.3%) sangat bersetuju. Di samping itu, sebanyak 2 responden (33.3%) bersetuju, manakala 4 responden (66.7%) sangat bersetuju bahawa sistem memaparkan mesej ralat dengan jelas, membantu pengguna menyelesaikan masalah dengan mudah.

Sistem ini memaparkan senarai produk dan pesanan produk dengan jelas. Mendapat responden sebanyak 4 responden (66.7%) bersetuju, dan 2 responden (33.3%) sangat bersetuju. Akhir sekali, Sebanyak 2 responden (33.3%) bersetuju, manakala 4 responden (66.7%) sangat bersetuju bahawa mereka berpuas hati dengan keseluruhan fungsi dan reka bentuk platform, mencerminkan kepuasan tinggi terhadap aspek visual dan operasional. Rajah 11 membentangkan graf keputusan untuk bahagian C soalan halaman fungsi sistem.



Rajah 11 Carta Keputusan Bagi Bahagian C (Soalan 2)

BAHAGIAN D: HALAMAN PENJUAL


Halaman penjual direka khusus untuk penjual yang berdaftar, merupakan komponen penting dalam Sistem e-Dagang penjualan produk tempatan. Ia telah dibangunkan untuk berfungsi dan mesra pengguna, memastikan penjual boleh menguruskan maklumat produk dan maklumat pengguna.

Sebanyak 3 responden (50%) bersetuju, manakala 3 responden (50%) sangat bersetuju bahawa papan pemuka menunjukkan data penjualan dan data pengguna dengan jelas. Ini menunjukkan bahawa papan pemuka berfungsi dengan baik dalam memberikan maklumat penting kepada penjual. Sebanyak 3 responden (50%) bersetuju, dan 3 responden (50%) sangat bersetuju bahawa butang "Choose File" berfungsi dengan baik untuk meletakkan gambar produk, memastikan proses penambahan gambar adalah mudah dan lancar.

Seterusnya, Sebanyak 2 responden (33.3%) bersetuju, manakala 4 responden (66.7%) sangat bersetuju bahawa menambah produk dan gambar adalah mudah dan jelas. Ini menunjukkan bahawa proses penambahan produk di platform adalah user-friendly dan intuitif. Halaman "Update Profile" membolehkan untuk mengemaskini dan meletakkan gambar profil dengan lengkap, menerima Sebanyak 3 responden (50%) bersetuju, dan 3 responden (50%) sangat bersetuju bahawa halaman "Update Profile" membolehkan penjual mengemaskini dan meletakkan gambar profil dengan lengkap, memastikan profil penjual sentiasa terkini.

Selain itu, Sebanyak 3 responden (50%) bersetuju, manakala 3 responden (50%) sangat bersetuju bahawa sistem memaparkan mesej ralat dengan jelas. Ini membantu penjual untuk menyelesaikan sebarang isu yang timbul dengan cepat dan mudah. Akhir sekali, Sebanyak 2 responden (33.3%) bersetuju, dan 4 responden (66.7%) sangat bersetuju bahawa mereka berpuas hati dengan keseluruhan reka bentuk dan fungsi bagi halaman penjual. Ini mencerminkan kepuasan tinggi terhadap aspek visual dan operasional platform untuk penjual. Rajah 12 membentangkan graf keputusan untuk bahagian D soalan halaman penjual.

Adakah halaman penjual :



Rajah 12 Carta Keputusan Bagi Bahagian D (Soalan 1)

KESIMPULAN

Kesimpulannya, fasa pembangunan dan ujian Sistem e-Dagang Penjualan Produk Tempatan adalah penting dalam memastikan penciptaan alat yang cekap dan mesra pengguna yang disesuaikan untuk usahawan tempatan. Projek ini telah berjaya menyepadukan beberapa ciri penting, sambil mengekalkan keperluan asas platform e-dagang, untuk meningkatkan keseluruhan pengalaman pengguna.

Aspek utama seperti reka bentuk antara muka yang menarik, pemilihan warna yang sesuai, dan penggunaan elemen multimedia seperti teks dan grafik yang jelas telah dipertimbangkan dengan teliti. Elemen ini memastikan bahawa sistem bukan sahaja berfungsi tetapi juga menarik secara visual dan mudah difahami oleh pengguna. Pelaksanaan prinsip reka bentuk responsif menjamin bahawa sistem boleh diakses pada pelbagai peranti, memberikan fleksibiliti dan kemudahan untuk pengguna.

Kecekapan sistem telah menjadi tumpuan utama, dengan reka bentuk yang memastikan tindak balas yang cepat dan mudah terhadap tindakan pengguna. Responsif ini adalah penting dalam mengekalkan pengalaman pengguna yang lancar, membolehkan usahawan mengurus penyenaian produk mereka dengan berkesan dan tepat pada masanya.

Fasa ujian melibatkan penilaian yang teliti untuk mengesahkan kefungasian, kebolegunaan, dan prestasi sistem. Ini termasuk analisis terperinci tentang skrip utama dan penting, antara muka pengguna, dan pelan ujian komprehensif yang meliputi kedua-dua keperluan berfungsi dan tidak berfungsi. Pelaksanaan prosedur ujian menyeluruh, termasuk reka bentuk kes ujian dan dokumentasi keputusan ujian, memastikan setiap fungsi Sistem e-Dagang Penjualan Produk Tempatan berfungsi dengan baik, menyediakan sistem yang boleh dipercayai dan stabil untuk pengurusan penjualan produk tanpa ralat.

Secara keseluruhannya, kejayaan pembangunan dan ujian menyeluruh bagi Sistem e-Dagang Penjualan Produk Tempatan telah menghasilkan alat yang cekap yang memenuhi keperluan asas platform e-dagang. Sistem ini meningkatkan pengurusan dan komunikasi antara pembeli dan penjual, menyediakan platform yang boleh dipercayai untuk mengurus transaksi dan penyenaian produk, dan memastikan pengalaman pengguna yang lancar. Dengan mencapai objektifnya, Sistem e-Dagang Penjualan Produk Tempatan membolehkan usahawan menyenaraikan produk mereka dengan cekap dalam format digital, meningkatkan proses penjualan dan pemasaran dengan ketara, serta menyumbang kepada persekitaran ekonomi yang lebih teratur dan dinamik dalam komuniti tempatan.

RUJUKAN

- Adams, D. (2024, April 10). Shopping Cart System with PHP and MySQL. CodeShack. <https://codeshack.io/shopping-cart-system-php-mysql/>
- Al-Qirim N.A.Y. (2010). E-commerce website evaluation: a case study. *Journal of Electronic Commerce Research*, 12(1), 18–33.
- BigCommerce. (2022). Ecommerce website development: Everything you need to know.
- Bootstrap Icons. (n.d.). <https://icons.getbootstrap.com/>
- Data Flow Diagram: ECommerce System | Data Flow Diagram Template. (n.d.). <https://online.visual-paradigm.com/diagrams/templates/data-flow-diagram/data-flow-diagram-ecommerce-system/>
- Faraz. (2021). 10+ eCommerce websites with HTML, CSS, and JavaScript. Code With Faraz.
- Kumar, S. (2022, September 6). Shopping cart with checkout system using PHP, MySQLi & Ajax. DCodeMania. <https://dcodemania.com/post/shopping-cart-with-checkout-system-php-mysqli-ajax>
- Li, Y., & Zhang, P. (2010). E-commerce website design: Strategies and models. *Journal of Electronic Commerce Research*, 11(4), 310–321.
- Lim Kah Boon, Yeo Sook Fern, & Hardave Singh Kler a/L Bhajan Singh. (2021). The study of customer satisfaction of Shopee customers in Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship, Business and Creative Economy*, 1(2), 30–44.
- Mohd Salleh, N. A., & Mohd Yusof, S. (2019). Factors influencing consumers in using Shopee for online purchasing. *UMT Journal of Undergraduate Research*, 1(1), 1–10.
- Mohd Zain, N.A., & Mohd Yusof, S. (2017). Are you satisfied with Shopee? A study of customer satisfaction towards online shopping platform in Malaysia. *International Journal of Tourism, Hospitality and Practices*, 1(1), 1–12.
- Mumtahana, Nita, & Tito. (2018). Pemanfaatan web E-Commerce untuk meningkatkan strategi pemasaran. *Khifarah. Journal of Islamic Economics, Finance, and Banking*, 7(2), 1–12.

ordering system | SourceCodester. (n.d.). <https://www.sourcecodester.com/tags/ordering-system>

Prins, N. (2022). Ecommerce Website Development: A Definitive Guide. HubSpot Blog. 127

S. a. M. Al-Qudah, M. a. Al-Qudah, & M. a. Al-Qudah. (2016). E-commerce Website Development: a review. 2021 International Conference on Computer, Control, Electrical, and Electronics Engineering (ICCCEEE), 1–6.

Vats, M., & Vats, M. (2022a, March 4). Why Agile Methodology is critical for E-commerce Marketplace Development? Webkul Blog. <https://webkul.com/blog/agile-methodology-in-terms-of-e-commerce/>

Vats, M., & Vats, M. (2022b, March 4). Why Agile Methodology is critical for E-commerce Marketplace Development? Webkul Blog. <https://webkul.com/blog/agile-methodology-in-terms-of-e-commerce/>

Muhammad Haqimy Bin Jafri (A192694)

Dr. Nazatul Aini Binti Abd Majid

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,

Universiti Kebangsaan Malaysia